



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**MALAYSIA DAN SINGAPURA PERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA MELALUI
SEMINAR BERSAMA DAN SUKAN PERKHIDMATAN AWAM**

Singapura, 19 Julai 2025 - Singapura menjadi tuan rumah Seminar Bersama ke-10 dan Sukan Perkhidmatan Awam ke-41 antara Malaysia dan Singapura dari 18 hingga 20 Julai 2025.

Kedua-dua program ini secara tradisinya dihoskan secara bergilir antara Malaysia dan Singapura dengan kali terakhir berlangsung di Malaysia pada tahun 2018.

Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara yang melibatkan pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Delegasi Singapura pula diketuai oleh Tuan Leo Yip, Ketua Perkhidmatan Awam Singapura yang turut disertai oleh Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha dan pegawai kanan Kerajaan Singapura.

Dengan tema "**Peneraju Perubahan: Perkhidmatan Awam yang Dipercayai dan Berkesan untuk Abad ke-21**", seminar bersama ke-10 ini membincangkan tiga tumpuan utama iaitu **Reformasi Ekonomi dan Regulasi, Reformasi Sosial dan Reformasi Sektor Awam**, ke arah memperkasa perkhidmatan awam yang tangkas dan berimpak tinggi.

Manakala program Sukan Perkhidmatan Awam ke-41 mempertandingkan dua acara iaitu sukan boling dan ping-pong yang telah berlangsung dalam suasana muhibbah dan penuh semangat kesukanan.

Penganjuran kedua-dua program ini mencerminkan kesepakatan dan kerjasama erat diantara perkhidmatan awam kedua-dua buah negara untuk memperkukuh hubungan strategik dan profesional dalam usaha mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam untuk manfaat bersama.

#TAMAT#

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA
19 Julai 2025**

